

**Artikel oleh:**  
**HARTINIE MARBAWI**

Perjumpaan dan taklimat ringkas bersama para pelajar baharu program Bioteknologi sempena Minggu Suai Mesra Sesi 2014/2015 telah diadakan pada 5 September 2014 bertempat di BT51, FSSA. Program ini telah dihadiri oleh para pensyarah dari program Bioteknologi serta seramai 35 orang pelajar baharu Program Bioteknologi. Pada sesi perjumpaan ini, Ketua Program Bioteknologi, Cik Hartinie Marbawi telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan struktur pengajian dan juga memperkenalkan para pensyarah serta kakitangan sokongan. Para pensyarah juga turut menyampaikan kata-kata nasihat dan pesanan berbentuk motivasi kepada para pelajar. Selain berkenalan lebih rapat, aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan aktiviti pembelajaran dan sebagainya. Secara keseluruhan, perjumpaan ini amat berfaedah dan menjadi platform awal untuk memberi pendedahan kepada para pelajar berkaitan maklumat penting seperti struktur pengajian, kursus-kursus yang



## Minggu Suai Mesra Program Bioteknologi Sesi 2014/2015

akan diikuti sepanjang pengajian dan prospek kerjaya selepas tamat pengajian kelak. Tahniyah dan selamat datang ke FSSA. Selamat mengikuti pengajian diucapkan kepada para pelajar tahun pertama program Bioteknologi Sesi 2014/2015.

